

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 14 Februari 2024



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA BAGI LAPORAN PERANGKAAAN DEMOGRAFI MALAYSIA, SUKU TAHUN KEEMPAT 2023

PENDUDUK MALAYSIA MENCECAH 33.7 JUTA PADA SUKU TAHUN KEEMPAT 2023

PUTRAJAYA, 14 FEBRUARI 2024 - Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengeluarkan laporan berkaitan Perangkaan Demografi yang memaparkan data penduduk, kelahiran hidup dan kematian bagi suku tahun keempat 2023.

Mengulas berkaitan laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Penduduk Malaysia pada suku tahun keempat 2023 dianggarkan 33.7 juta, meningkat 2.0 peratus berbanding suku tahun keempat 2022 (33.0 juta). Jumlah penduduk ini merangkumi 30.5 juta (90.6%) Warganegara dan 3.2 juta (9.4%) Bukan Warganegara. Kenaikan ini disumbangkan oleh pertambahan semula jadi yang positif bagi Warganegara dan juga pertambahan penduduk Bukan Warganegara. Penduduk lelaki meningkat kepada 17.7 juta daripada 17.2 juta pada suku tahun keempat 2022 dan perempuan meningkat kepada 16.0 juta daripada 15.8 juta bagi tempoh yang sama. Secara keseluruhan, nisbah jantina penduduk adalah 110 lelaki bagi setiap 100 perempuan, manakala nisbah jantina bagi penduduk Warganegara adalah 103 lelaki bagi setiap 100 perempuan".

Mengulas lanjut, penduduk berumur 0 - 14 tahun (umur muda) kekal tidak berubah pada 7.6 juta pada suku tahun keempat 2023 berbanding tahun sebelum. Sementara itu, komposisi penduduk berumur 15 - 64 tahun (umur bekerja) meningkat kepada 23.6 juta daripada 23.1 juta berbanding suku tahun keempat 2022. Komposisi

penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua) meningkat kepada 2.5 juta (7.4%) daripada 2.4 juta (7.3%) bagi tempoh yang sama.

Ketua Perangkawan mengulas lanjut, “Jumlah kelahiran hidup merekodkan penurunan sebanyak 1.1 peratus (112,767 kelahiran) berbanding 114,067 kelahiran pada suku tahun keempat 2022. Bayi lelaki melebihi perempuan dengan 57,894 kelahiran berbanding 54,873 kelahiran bayi perempuan. Selangor mencatatkan bilangan kelahiran hidup tertinggi iaitu 20,931 kelahiran (18.6%) manakala jumlah kelahiran hidup terendah dicatatkan oleh Wilayah Persekutuan Labuan (385 kelahiran: 0.3%). Umur ibu 30 - 39 tahun merekodkan kelahiran hidup tertinggi iaitu 54,044 (47.9%) pada suku tahun ini, diikuti oleh ibu berumur 20 - 29 tahun (45.4%), 40 tahun dan lebih (4.2%) dan kurang daripada 20 tahun (2.4%)”.

Melayu menyumbang 67.2 peratus (75,763 kelahiran hidup) daripada jumlah kelahiran hidup pada suku tahun keempat 2023 (ST4 2022: 67.4%). Kelahiran hidup bagi Cina dan India masing-masing menurun 9.3 peratus dan 4.1 peratus berbanding 10.4 peratus dan 4.4 peratus pada suku tahun keempat 2022. Manakala, Bumiputera Lain merekodkan peningkatan kepada 13.3 peratus pada suku tahun keempat 2023 (ST4 2022: 12.5%).

Sebagai tambahan, beliau juga menyatakan sebanyak 48,250 kematian telah direkodkan pada suku tahun keempat 2023, penurunan sebanyak 4.2 peratus berbanding suku tahun keempat 2022 (50,374 kematian). Bilangan kematian bagi lelaki adalah 27,508 manakala 20,742 kematian bagi perempuan. Pada tempoh yang sama, Selangor mencatatkan bilangan kematian tertinggi iaitu 7,700 kematian (16.0%) manakala Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan bilangan kematian terendah dengan 69 kematian (0.1%). Dari segi umur, bilangan kematian umur 60 tahun dan lebih merekodkan bilangan tertinggi iaitu 33,763 kematian (70.0%), diikuti oleh umur 41 - 59 tahun (20.4%), umur 15 - 40 tahun (7.4%) dan umur 0 - 14 tahun (2.3%).

Melayu menyumbang 51.4 peratus (24,805 kematian) daripada jumlah kematian pada suku tahun keempat 2023 (ST4 2022: 51.4%). Kematian bagi Cina dan India masing-masing meningkat kepada 27.0 peratus dan 8.6 peratus pada suku tahun

keempat 2023 berbanding 26.7 peratus dan 8.4 peratus pada suku tahun keempat 2022. Jumlah kematian bagi Bumiputera lain menurun kepada 10.2 peratus pada suku tahun keempat 2023 (ST4 2022: 10.7%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Pangkalan Data Utama (PADU) telah dilancarkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercicir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut:

- i) Jabatan Perangkaan Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Pertanyaan secara online melalui SISPAA : <https://padu.spab.gov.my>.


Carta 1: Kelahiran hidup dan kematian (bilangan dan kadar) mengikut suku tahun, 2010-2023^p, Malaysia




Jadual 1: Statistik Demografi bagi suku tahun keempat, 2022 dan 2023, Malaysia

Tahun	Jumlah		Lelaki		Perempuan	
	ST4 2022	ST4 2023	ST4 2022	ST4 2023	ST4 2022	ST4 2023
Penduduk (juta)	33.0	33.7	17.2	17.7	15.8	16.0
Kelahiran hidup	114,067	112,767	58,585	57,894	55,482	54,873
Kematian	50,374	48,250	29,129	27,508	21,245	20,742

Carta 2: Statistik Demografi suku tahun keempat mengikut Kumpulan Etnik, 2022 dan 2023, Malaysia





Jadual 2: Penduduk Warganegara mengikut kumpulan etnik, suku tahun keempat 2022 dan 2023, Malaysia

Kumpulan etnik	ST4 2022 (%)	ST4 2023 (%)
Jumlah Penduduk Warganegara	100.0	100.0
Bumiputera	70.0	70.1
Melayu	57.8	57.9
Bumiputera Sabah	4.3	4.3
Kadazan/ Dusun	49.8	49.8
Bajau	42.2	42.2
Murut	8.0	8.0
Bumiputera Sarawak	3.5	3.5
Iban	67.8	67.8
Bidayuh	19.4	19.4
Melanau	12.8	12.8
Bumiputera lain¹	4.4	4.4
Cina	22.7	22.6
India	6.6	6.6
Lain-lain	0.7	0.7

Nota: ¹ Merujuk kepada etnik Bumiputera selain daripada yang disenaraikan di atas.

Jadual 3: Kelahiran hidup mengikut kumpulan etnik, suku tahun keempat
2022 dan 2023, Malaysia

Kumpulan etnik	ST4 2022 (%)	ST4 2023 (%)
Jumlah Kelahiran Hidup	100.0	100.0
Warganegara	96.0	95.4
Bumiputera	79.9	80.5
Melayu	67.4	67.2
Bumiputera Sabah	4.6	5.5
Kadazan/ Dusun	52.5	50.3
Bajau	37.2	39.8
Murut	10.3	9.9
Bumiputera Sarawak	3.4	3.8
Iban	67.1	68.1
Bidayuh	18.3	19.3
Melanau	14.6	12.6
Bumiputera lain¹	4.5	4.0
Cina	10.4	9.3
India	4.4	4.1
Lain-lain	1.3	1.5
Bukan warganegara	4.0	4.6


Nota: ¹ Merujuk kepada etnik Bumiputera selain daripada yang disenaraikan di atas.

Jadual 4: Kematian mengikut kumpulan etnik, suku tahun keempat
2022 dan 2023, Malaysia

Kumpulan etnik	ST4 2022 (%)	ST4 2023 (%)
Jumlah Kematian	100.0	100.0
Warganegara	98.2	98.2
Bumiputera	62.1	61.6
Melayu	51.4	51.4
Bumiputera Sabah	4.2	3.7
Kadazan/ Dusun	54.4	52.7
Bajau	38.7	39.0
Murut	6.9	8.3
Bumiputera Sarawak	3.8	3.7
Iban	68.1	67.3
Bidayuh	17.3	18.2
Melanau	14.6	14.5
Bumiputera lain¹	2.7	2.8
Cina	26.7	27.0
India	8.4	8.6
Lain-lain	1.0	1.0
Bukan warganegara	1.8	1.8

Nota: ¹ Merujuk kepada etnik Bumiputera selain daripada yang disenaraikan di atas

Carta 3: Transisi Demografi Malaysia, 1911-2022



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

14 FEBRUARI 2024

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, February 14th 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
FOR THE REPORT OF DEMOGRAPHIC STATISTICS MALAYSIA,
FOURTH QUARTER 2023**

**MALAYSIA'S POPULATION REACHED 33.7 MILLION
IN THE FOURTH QUARTER 2023**

PUTRAJAYA, 14th FEBRUARY 2024 - Department of Statistics, Malaysia has released the report on Demographic Statistics that presents statistics of live births, deaths and population in the fourth quarter 2023.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Malaysia's population in the fourth quarter 2023 was estimated at 33.7 million, an increase of 2.0 per cent as compared to the fourth quarter of 2022 (33.0 million). The total population comprised 30.5 million (90.6%) Citizens and 3.2 million (9.4%) Non-Citizens. This increase was contributed by the positive natural increase of citizens and higher Non-Citizens population. Males population increased to 17.7 million from 17.2 million in the fourth quarter of 2022 and females rose to 16.0 million from 15.8 million in the same period. The overall sex ratio of population was 110 males per 100 females while sex ratio for Citizens was 103 males per 100 females".

Commenting further, the population aged 0 - 14 years old (young age) remained unchanged at 7.6 million in the fourth quarter of 2023 as compared to the previous year. Meanwhile, the composition of the population aged 15 - 64 years (working age) increased to 23.6 million from 23.1 million in the fourth quarter of 2022. Similarly, the composition

of population aged 65 years and over (old age) increased to 2.5 million (7.4%) from 2.4 million (7.3%) during the same period.

The Chief Statistician further commented, “The number of live births recorded a decrease of 1.1 per cent (112,767 births) as compared to 114,067 births in the fourth quarter of 2022. Males babies outnumbered females with 57,894 births as compared to 54,873 births for females. Selangor recorded the highest live births of 20,931 (18.6%) while Wilayah Persekutuan Labuan recorded the lowest (385 births: 0.3%). Mothers aged 30 - 39 years recorded the highest live births of 54,044 (47.9%) in this quarter followed by mothers aged 20 - 29 years (45.4%), 40 years and over (4.2%) and less than 20 years (2.4%)”.

Malays accounted 67.2 per cent (75,763 live births) of the total live births in the fourth quarter of 2023 (Q4 2022: 67.4%). Live births for Chinese and Indians decreased 9.3 per cent and 4.1 per cent, respectively, as compared to 10.4 per cent and 4.4 per cent in the fourth quarter of 2022. Meanwhile, Other Bumiputera recorded an increase of 13.3 per cent in the fourth quarter of 2023 (Q4 2022: 12.5%).

In addition, he also commented that, a total of 48,250 deaths were recorded in the fourth quarter of 2023, decreased 4.2 per cent as compared to the fourth quarter of 2022 (50,374 deaths). The number of deaths recorded for males were 27,508, while 20,742 deaths for females. Selangor recorded the highest number of deaths with 7,700 deaths (16.0%), while Wilayah Persekutuan Putrajaya recorded the lowest with 69 deaths (0.1%) in the same period. In terms of age, the number of deaths for aged 60 years and over recorded the highest number of deaths at 33,763 deaths (70.0%), followed by age 41 - 59 years (20.4%), age 15 - 40 years (7.4%) and age 0 - 14 years (2.3%).

Malay accounted for 51.4 per cent (24,805 deaths) of total number of deaths in the fourth quarter of 2023 (Q4 2022: 51.4%). Deaths for Chinese and Indians increased 27.0 per cent and 8.6 per cent in the fourth quarter of 2023 as compared to 26.7 per cent and 8.4 per cent in the fourth quarter of 2022, respectively. Total deaths for

Other Bumiputera decreased 10.2 per cent in the fourth quarter of 2023 (Q4 2022: 10.7%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents of Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind from citizen centric initiatives implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31 March 2024. Please visit <https://www.padu.gov.my> for more information related to PADU or contact the following hotlines:

- i) Department of Statistics Malaysia: 1-800-88-7720 /1-800-88-7721*
- ii) Online Enquiries through SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.*

Chart 1: Live births and deaths (number and rate) by quarterly, 2010-2023^p, Malaysia





Table 1: Demographic statistics for fourth quarter, 2022 and 2023, Malaysia

Year	Total		Male		Female	
	Q4 2022	Q4 2023	Q4 2022	Q4 2023	Q4 2022	Q4 2023
Population (million)	33.0	33.7	17.2	17.7	15.8	16.0
Live births	114,067	112,767	58,585	57,894	55,482	54,873
Deaths	50,374	48,250	29,129	27,508	21,245	20,742

Chart 2: Demographic statistics fourth quarter by ethnic group, 2022 and 2023, Malaysia






Table 2: Citizens by ethnic group, fourth quarter 2022 and 2023, Malaysia

Ethnic group	Q4 2022 (%)	Q4 2023 (%)
Total Citizens	100.0	100.0
Bumiputera	70.0	70.1
Malay	57.8	57.9
Bumiputera Sabah	4.3	4.3
Kadazan/ Dusun	49.8	49.8
Bajau	42.2	42.2
Murut	8.0	8.0
Bumiputera Sarawak	3.5	3.5
Iban	67.8	67.8
Bidayuh	19.4	19.4
Melanau	12.8	12.8
Other Bumiputera¹	4.4	4.4
Chinese	22.7	22.6
Indians	6.6	6.6
Others	0.7	0.7

Note: ¹ Refers to Bumiputera ethnic other than those listed above.

Table 3: Live births by ethnic group, fourth quarter 2022 and 2023, Malaysia

Ethnic group	Q4 2022 (%)	Q4 2023 (%)
Total Live Births	100.0	100.0
Citizens	96.0	95.4
Bumiputera	79.9	80.5
Malay	67.4	67.2
Bumiputera Sabah	4.6	5.5
Kadazan/ Dusun	52.5	50.3
Bajau	37.2	39.8
Murut	10.3	9.9
Bumiputera Sarawak	3.4	3.8
Iban	67.1	68.1
Bidayuh	18.3	19.3
Melanau	14.6	12.6
Other Bumiputera¹	4.5	4.0
Chinese	10.4	9.3
Indians	4.4	4.1
Others	1.3	1.5
Non-citizens	4.0	4.6


Note: ¹ Refers to Bumiputera ethnic other than those listed above.

Table 4: Deaths by ethnic group, fourth quarter 2022 and 2023, Malaysia

Ethnic group	Q4 2022 (%)	Q4 2023 (%)
Total Deaths	100.0	100.0
Citizens	98.2	98.2
Bumiputera	62.1	61.6
Malay	51.4	51.4
Bumiputera Sabah	4.2	3.7
Kadazan/ Dusun	54.4	52.7
Bajau	38.7	39.0
Murut	6.9	8.3
Bumiputera Sarawak	3.8	3.7
Iban	68.1	67.3
Bidayuh	17.3	18.2
Melanau	14.6	14.5
Other Bumiputera¹	2.7	2.8
Chinese	26.7	27.0
Indians	8.4	8.6
Others	1.0	1.0
Non-citizens	1.8	1.8

Note: ¹ Refers to Bumiputera ethnic other than those listed above.

Chart 3: Demographic transition, Malaysia, 1911-2022



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

14th FEBRUARY 2024